

02/05/2000

Indonesia pilih firma Malaysia laksana penempatan Islam

KLANG, Isnin - Sebuah syarikat tempatan dipilih membangunkan perkampungan Islam pertama di dunia seluas 500 hektar di Wilayah Aceh Tengah yang mampu menempatkan kira-kira 8,000 penduduk.

Tanggungjawab melaksanakan pembangunan perkampungan yang membabitkan kos pelaburan RM500 juta itu diserahkan kepada Industries Network Technology Sdn Bhd (Inti), yang berpejabat di Shah Alam dan dijemput khas oleh Kerajaan Indonesia bagi melaksanakan pembangunan itu.

Pengerusi Inti, Dr Ibrahim Ghaffar berkata, pembangunan Perkampungan Islam Sedunia di utara Takengon yang terletak 60 kilometer dari Aceh Tengah itu adalah sebahagian daripada 40,000 hektar tanah yang diperuntukkan Kerajaan Indonesia kepada Inti untuk pelbagai projek pembangunan.

Selain membangunkan perkampungan Islam, katanya, Inti akan melaksanakan projek tanaman kelapa sawit, kentang, tebu dan pelbagai tanaman sampingan.

Katanya, Inti juga akan membina kilang kelapa sawit dan tebu di tapak kilang tebu terbiar bagi tujuan memproses bahan mentah itu untuk dieksport serta membangunkan pusat kraftangan dan pelbagai bank berkonsepkan Islam serta insuran, memperkenalkan sistem pungutan zakat serta menubuhkan tabung haji.

"Pelaksanaan kaedah Islam ini adalah mengikut model kejayaan di Malaysia malah model perkampungan Islam itu adalah ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang melahirkan idea untuk membina sebuah perkampungan yang sesuai dengan kehendak Islam," katanya.

Dr Ibrahim berkata, Inti juga akan menyediakan kemudahan rumah, sekolah, hospital, jalan raya, lapangan terbang dan juga pelabuhan.

Katanya, Inti mendapat sokongan serta kerjasama daripada kerajaan Indonesia diwakili Badan Usaha Milik Daerah (BUMD) yang akan menguruskan perkara berkenaan peraturan tanah dan undang-undang manakala Inti akan menyediakan kemahiran, tenaga kerja dan modal.

Menurut beliau, pembangunan projek perumahan akan dilaksanakan secara berperingkat dengan peringkat pertama membabitkan 1,000 unit rumah manakala kedua 5,000 unit.

"Semua 5,000 keluarga Indonesia yang akan menduduki penempatan ini dipilih daripada 26 wilayah di Indonesia manakala 10,000 unit rumah akan diperuntukkan kepada penduduk Aceh dengan pembahagian 50 peratus rakyat tempatan Aceh dan 50 peratus lagi penduduk dari luar Aceh," katanya.

Menurut beliau, perkampungan Islam ini dianggap unik kerana turut didiami umat Islam dari luar negara yang dijemput untuk menetap dan bersama-sama menikmati kemajuan di perkampungan ini.

"Kita akan memilih antara 10 hingga 20 orang dan pemilihan mereka perlu mendapatkan persetujuan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)," katanya.

Penduduk yang dipilih perlu mempunyai kemahiran tertentu dalam seni Islam seperti ukiran, tenunan dan produk lain bercirikan Islam yang boleh dipasarkan ke seluruh dunia.

"Kita juga akan menggunakan pengalaman FelDA dalam memajukan perladangan sawit kerana agensi ini terbukti berjaya membina perkampungan ladang baru di negara ini," katanya.

(END)